



# **MIKROEKONOMI DALAM INDUSTRI SENI**

**MAZDAN ALI AMARAN**

Arkib  
HB  
172  
M476  
2016

**Pusat Khidmat Maklumat Akademik  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS**



**1000272509**

# **MIKROEKONOMI DALAM INDUSTRI SENI**

Pusat Khidmat Maklumat Akademik  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

# **MIKROEKONOMI DALAM INDUSTRI SENI**

**MAZDAN ALI AMARAN**

© Mazdan Ali Amaran 2016

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan oleh

UNIMAS Publisher  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Sarawak, Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh

PPKS PRODUCTION SDN. BHD (623666-M)  
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi  
Tabuan Jaya 93050  
Kuching, Sarawak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Mazdan Ali Amaran, 1987-

MIKROEKONOMI DALAM INDUSTRI SENI / MAZDAN ALI AMARAN

Includes index

Bibliography: page 189

ISBN 978-967-2008-06-4

1. Microeconomics. 2. Economics.

338.5

## **DEDIKASI**

*Alhamdulillah.... Syukur ke hadrat Allah S.W.T.*

*Salam sayang untuk baba (Ali Amaran Ahmad) dan umi (Pisah Yahya) yang dicintai, yang dikasihi adik-beradik dan ipar yang menyokong (Hanisah Ali Amaran, Azmin Yap Hong Wai, Hanim Ali Amaran, Hamidah Ali Amaran, Muhammad Harun Tee Abdullah, Halimatun Ali Amaran, Mohd Azizi, Hiddir Ali Amaran), penyeri keluarga (Udin, Ainin, Adlin, Atiqah, Rayyan, Icha, Qairina) serta isteri tercinta yang menjadi tulang belakang (Siti Nadiah Mansor),*

*Salam kasih dan rindu yang teristimewa untuk arwah mak (Asmah Baba) dan abang (Muin Ali Amaran). Al-Fatihah..*

# ISI KANDUNGAN

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>	
Isi Kandungan	vii	
Senarai Rajah dan Jadual	ix	
Prakata	xiii	
Penghargaan	xv	
<b>Bab 1</b>	<b>PENGENALAN EKONOMI DALAM INDUSTRI SENI</b>	<b>1</b>
	Pengenalan	1
	Definisi Dan Konsep Ekonomi dalam Seni	2
	Perbezaan Mikroekonomi dan Makroekonomi	4
	Faktor Pengeluaran dalam Industri Seni	6
	Masalah Asas Ekonomi dalam Seni	9
	Keluk Kemungkinan Pengeluaran dalam Seni	11
	Sistem Ekonomi	17
	Aliran Pusingan Pendapatan	21
	Latihan Penilaian Kendiri	23
<b>Bab 2</b>	<b>PERMINTAAN DAN PENAWARAN DALAM INDUSTRI SENI</b>	<b>25</b>
	Pengenalan	25
	Konsep Permintaan dalam Seni	26
	Konsep Penawaran dalam Seni	37
	Keseimbangan Pasaran	48
	Latihan Penilaian Kendiri	54
<b>Bab 3</b>	<b>KEANJALAN PERMINTAAN DAN PENAWARAN DALAM SENI</b>	<b>55</b>
	Pengenalan	55
	Keanjalan Permintaan Harga	56
	Keanjalan Penawaran Harga	72
	Keanjalan-Keanjalan Lain	83
	Latihan Penilaian Kendiri	92

Bab 4	TEORI GELAGAT PENGGUNA SENI	93
	Pengenalan	93
	Pendekatan Utiliti Kardinal	94
	Pendekatan Utiliti Ordinal	102
	Latihan Penilaian Kendiri	115
Bab 5	TEORI KOS DAN PENGELUARAN SENI	117
	Pengenalan	117
	Konsep Firma, Industri dan Jangkamasa Pengeluaran	118
	Fungsi Pengeluaran	119
	Teori Kos Pengeluaran dalam Seni	124
	Latihan Penilaian Kendiri	140
Bab 6	STRUKTUR PASARAN DALAM SENI	141
	Pengenalan	141
	Pasaran Persaingan Sempurna (PPS)	142
	Pasaran Monopoli	159
	Pasaran Persaingan Bermonopoli (Monopolistik)	171
	Pasaran Oligopoli	180
	Latihan Penilaian Kendiri	187
	Rujukan	189
	Indeks	191

## SENARAI RAJAH DAN JADUAL

<b>Senarai Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
Rajah 1.1	Keluk Kemungkinan Pengeluaran	13
Rajah 1.2	Kesan Pertumbuhan Ekonomi	15
Rajah 1.3	Kesan Kemajuan Teknologi Produk A	16
Rajah 1.4	Kesan Kemajuan Teknologi Produk B	17
Rajah 1.5	Aliran Pusingan Pendapatan Negara Ekonomi dua Sektor	21
Rajah 2.1	Keluk Permintaan Individu	28
Rajah 2.2	Keluk Permintaan Individu dan Permintaan Pasaran	29
Rajah 2.3	Perubahan Kuantiti Permintaan	31
Rajah 2.4	Perubahan Permintaan Barang Pengganti	32
Rajah 2.5	Perubahan Permintaan Barang Penggenap	33
Rajah 2.6	Perubahan Permintaan	34
Rajah 2.7	Keluk Permintaan Individu	39
Rajah 2.8	Keluk Penawaran Individu dan Penawaran Pasaran	41
Rajah 2.9	Keluk Penawaran Individu	42
Rajah 2.10	Perubahan Penawaran Barang Pengganti	43
Rajah 2.11	Perubahan Penawaran Barang Penggenap	44
Rajah 2.12	Perubahan Penawaran	45
Rajah 2.13	Keluk Keseimbangan Pasaran	50
Rajah 2.14	Keluk Perubahan Harga dan Kuantiti Keseimbangan	51
Rajah 3.1	Keanjalan permintaan harga anjal uniti	58
Rajah 3.2	Keanjalan permintaan harga lebih anjal	59
Rajah 3.3	Keanjalan permintaan harga kurang anjal	61
Rajah 3.4	Keanjalan permintaan harga anjal sempurna	62
Rajah 3.5	Keanjalan permintaan harga kurang anjal sempurna	64
Rajah 3.6	Hubungan permintaan anjal uniti dengan jumlah hasil	69
Rajah 3.7	Hubungan permintaan lebih anjal dengan jumlah hasil	70
Rajah 3.8	Hubungan permintaan kurang anjal dengan jumlah hasil	71
Rajah 3.9	Keanjalan penawaran harga anjal uniti	74



Rajah 3.10	Keanjalan penawaran harga lebih anjal	75
Rajah 3.11	Keanjalan penawaran harga kurang anjal	76
Rajah 3.12	Keanjalan penawaran harga anjal sempurna	78
Rajah 3.13	Keanjalan penawaran harga kurang anjal sempurna	79
Rajah 4.1	Keluk jumlah utiliti dan utiliti sut	96
Rajah 4.2	Keluk permintaan individu seramik X	102
Rajah 4.3	Keluk puas sama	103
Rajah 4.4	Perubahan Keluk Puas Sama	104
Rajah 4.5	Keluk Puas Sama bersilang	105
Rajah 4.6	Kadar Penggantian Sut	106
Rajah 4.7	Garis Belanjawan	108
Rajah 4.8	Perubahan harga seramik X	110
Rajah 4.9	Perubahan harga seramik Y	111
Rajah 4.10	Perubahan pendapatan pengguna	112
Rajah 4.11	Keseimbangan Pengguna	113
Rajah 4.12	Pengguna meminimumkan perbelanjaan	113
Rajah 4.13	Pengguna memaksimumkan kepuasan	114
Rajah 5.1	Hubungan antara Jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran sut	122
Rajah 5.2	Hubungan jumlah kos, kos tetap dan kos berubah	128
Rajah 5.3	Hubungan Kos Purata (AC), Kos Sut (MC), Kos Berubah Purata (AVC) dan Kos Tetap Purata (AFC)	131
Rajah 5.4	Keluk Kos Purata Jangka Pendek (SAC)	132
Rajah 5.5	Keluk Kos Purata Jangka Panjang (LAC)	133
Rajah 6.1	Keluk Permintaan Firma dan Pasaran	145
Rajah 6.2	Keluk Jumlah Hasil (PPS)	146
Rajah 6.3	Keluk Hasil Purata dan Hasil Sut (PPS)	147
Rajah 6.4	Keseimbangan PPS (Pendekatan Jumlah)	149
Rajah 6.5	Keseimbangan PPS (Pendekatan Sut)	150
Rajah 6.6	Untung Lebih Normal Firma PPS	151
Rajah 6.7	Untung Normal Firma PPS	152
Rajah 6.8	Untung Kurang Normal Firma PPS	152
Rajah 6.9	Untung Kurang Normal (Boleh Terus Operasi)	154
Rajah 6.10	Untung Kurang Normal (Menutup Operasi)	155
Rajah 6.11	Untung Kurang Normal (Pilihan menutup dan teruskan operasi)	156
Rajah 6.12	Untung Lebih Normal Kepada Untung Normal	157

Rajah 6.13	Untung Kurang Normal Kepada Untung Normal	158
Rajah 6.14	Keseimbangan Pasaran Monopoli (Pendekatan Jumlah)	164
Rajah 6.15	Keseimbangan Pasaran Monopoli (Pendekatan Sut)	165
Rajah 6.16	Untung Lebih Normal Firma Monopoli	166
Rajah 6.17	Untung Normal Firma Monopoli	167
Rajah 6.18	Untung Kurang Normal Firma Monopoli	168
Rajah 6.19	Keuntungan Firma Monopoli Jangka Panjang	169
Rajah 6.20	Diskriminasi Harga Darjah Ketiga	170
Rajah 6.21	Untung Lebih Normal Firma Bermonopoli	173
Rajah 6.22	Untung Normal Firma Bermonopoli	174
Rajah 6.23	Untung Kurang Normal Firma Bermonopoli	175
Rajah 6.24	Titik Tutup Operasi Firma Bermonopoli	176
Rajah 6.25	Untung Lebih Normal kepada Untung Normal	178
Rajah 6.26	Untung Kurang Normal kepada Untung Normal	179
Rajah 6.27	Keluk Permintaan Berliku	183
Rajah 6.28	Pembentukan Keluk Keseimbangan Firma Oligopoli	184
Rajah 6.29	Keseimbangan Firma Oligopoli	185

**Senarai Jadual****Muka Surat**

Jadual 1.1	Pengeluaran Produk A dan Produk B	12
Jadual 2.1	Jadual Permintaan Individu	28
Jadual 2.2	Jadual Permintaan Individu dan Permintaan Pasaran	29
Jadual 2.3	Jadual Penawaran Individu	38
Jadual 2.4	Jadual Penawaran Individu dan Penawaran Pasaran	40
Jadual 2.5	Jadual Keseimbangan Pasaran	49
Jadual 3.1	Jadual nilai keanjalan permintaan pendapatan dengan jenis barang	84
Jadual 3.2	Jadual tingkat Pendapatan dan Permintaan Barangan	85
Jadual 3.3	Jadual nilai keanjalan permintaan silang dengan hubungannya	89
Jadual 3.4	Jadual harga barang X dengan permintaan barang Y dan Z	89
Jadual 4.1	Jadual jumlah utiliti dan utiliti sut	95
Jadual 4.2	Jadual Kuantiti, harga, dan utiliti sut barang X dan Y	99
Jadual 4.3	Kombinasi seramik X dan seramik Y	103
Jadual 5.1	Jadual pengeluaran produk A dengan input berubah (buruh)	121
Jadual 5.2	Jadual Kos	129
Jadual 6.1	Keseimbangan Pasaran Persaingan Sempurna	148
Jadual 6.2	Keseimbangan Pasaran Monopoli	164

## **PRAKATA**

Ekonomi merupakan satu aspek yang penting dalam menjalani kehidupan seharian sama ada secara individu, berkumpulan, firma, industri mahupun pasaran. Kestabilan sesebuah masyarakat atau sesebuah negara bergantung kepada kedudukan ekonominya yang kukuh dan terjamin. Ilmu ekonomi merupakan satu ilmu sains sosial yang sangat luas bidangnya dan mencakupi pelbagai aspek penyelidikan yang dapat diperkembang serta diperhalusi kepada bidang-bidang yang lain dan salah satu cabangnya adalah dalam industri seni. Industri seni memerlukan pemahaman konsep ekonomi secara mikro bagi mengenalpasti dan menganalisis peranan agen ekonomi yang terdiri daripada pengguna dan pengeluar atau pengkarya seni dalam ekonomi. Hubungan antara Mikroekonomi dan kesenian tidak dapat dianalisis secara komprehensif sekiranya kita belum mengetahui pentingnya industri kesenian dalam mikroekonomi.

Fokus perbincangan buku ini merangkumi aspek prinsip mikroekonomi secara asas dalam pengaplikasian kepada industri kesenian, kebudayaan dan kreatif negara seperti kraftangan, seni persembahan, penerbitan produksi, kebudayaan, penyiaran dan sebagainya. Antara teori mikroekonomi yang dibincangkan dalam buku ini adalah permintaan dan penawaran dalam industri seni, teori gelagat pengguna seni dan teori gelagat pengeluar seni serta struktur pasaran dalam sesebuah industri seni dan kreatif.

Kelahiran buku ini adalah tepat pada waktunya apabila masalah dalam ekonomi pada masa kini yang mendorong pengkarya mengetahui dan menganalisis keadaan pasaran secara mikro supaya produk dan karya yang dihasilkan akan menepati citarasa pengguna dan pembaziran sumber

dapat diminimumkan. Oleh itu penting kepada mereka dalam mengetahui prinsip mikroekonomi dalam sesebuah industri kesenian.

Buku ini juga dapat dijadikan rujukan kepada pelajar-pelajar sekolah, pra-universiti serta pelajar universiti dalam melihat dan menganalisis prinsip mikroekonomi yang dipelajari dengan pengaplikasian dengan bidang lain secara menyeluruh terutamanya dalam industri seni. Dengan ini akan mendidik dan membuka minda pelajar supaya lebih kritikal dan kreatif dalam mengaplikasikan prinsip mikroekonomi yang dipelajari dengan dunia yang sebenar.

Mazdan Bin Ali Amaran  
Universiti Malaysia Sarawak  
Kota Samarahan

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia-Nya buku mikroekonomi dalam industri seni ini dapat dihasilkan dengan jayanya. Jutaan terima kasih diucapkan atas bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyempurnakan buku ini. Antara mereka yang jumlahnya tidak mungkin disebut satu per satu, terdapat beberapa individu dan organisasi yang perlu dirakamkan di sini. Antara mereka adalah Jabatan Kraftangan Negeri Sarawak, rakan-rakan pensyarah di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Universiti Malaysia Sarawak dan ramai lagi yang jumlahnya tidak mungkin disebut satu per satu di sini. Jutaan terima kasih atas maklumat, kerjasama dan sokongan mereka sepanjang menghasilkan buku ini. Selain itu, penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga yang banyak menyokong dari belakang dan mengharungi segala susah payah bersama.

Sekadar ucapan terima kasih mungkin tidak dapat membayar jasa dan budi baik yang telah diberikan oleh individu atau organisasi yang disebutkan meskipun hanya itu yang terdaya. Semoga Tuhan sahaja yang membalas budi baik semua. Namun demikian, segala kelemahan, kecacatan dan kesilapan yang mungkin terdapat dalam buku ini, adalah semata-mata disebabkan kelemahan penulis sebagai insan biasa.

# **BAB 1**

---

## **PENGENALAN EKONOMI DALAM INDUSTRI SENI**

### **PENGENALAN**

Ekonomi merupakan satu aspek yang penting dalam menjalani kehidupan seharian sama ada secara individu, berkumpulan, firma mahupun industri. Kestabilan sesebuah masyarakat atau sesebuah negara bergantung kepada kedudukan ekonominya yang kukuh dan terjamin. Ilmu ekonomi merupakan satu ilmu sains sosial yang sangat luas bidangnya dan mencakupi pelbagai aspek penyelidikan yang dapat diperkembang serta diperhalusi kepada bidang-bidang yang lain seperti ekonomi Islam, ekonomi kewangan (monetari), ekonomi perdagangan antarabangsa, ekonomi statistik dan sebagainya. Ekonomi juga merupakan salah satu cabang kepada seni dan dalam seni memerlukan pemahaman konsep ekonomi bagi mengenalpasti hubungan kesenian dan ekonomi. Hubungan antara ekonomi dan kesenian tidak dapat dianalisis secara komprehensif sekiranya kita belum mengetahui pentingnya sektor kesenian dalam ekonomi.

Dalam konteks ekonomi, secara mikro nya individu akan bertindak sebagai agen pembeli atau pengguna hasil seni manakala syarikat atau firma pula akan bertindak sebagai agen penghasil atau pengkarya produk

dan perkhidmatan dalam industri kesenian. Manakala secara makronya pula melihat ekonomi dan kesenian dengan lebih meluas yang merangkumi campurtangan kerajaan dalam industri seni melalui pelbagai dasar kerajaan, pengangguran dalam industri kreatif, inflasi, defisit, imbangan pembayaran, hasil, perbelanjaan, agihan, pengeluaran, input, output dan sebagainya. Namun di dalam buku ini hanya akan menfokuskan kepada prinsip mikro ekonomi dalam aplikasi industri seni secara keseluruhan.

## **DEFINISI DAN KONSEP EKONOMI DALAM SENI**

Ekonomi melibatkan semua aktiviti manusia dan masyarakat dalam menjalani kehidupan harian mereka. Ia meneliti segala tindakan individu dan tindakan sosial yang berkait rapat dengan pencapaian serta penggunaan semua benda yang menjadi asas kesejahteraan hidup. Secara amnya definisi ekonomi merupakan satu kajian sains sosial yang mengkaji tentang cara masyarakat memilih dan menggunakan sumber-sumber pengeluaran atau faktor-faktor pengeluaran yang terhad serta banyak pilihan kegunaan bagi memenuhi kehendak yang masyarakat yang tidak terbatas. Manakala pengaplikasian konsep ekonomi dalam seni pula melihat cara pengkarya atau penghasil seni memilih dan menggunakan sumber pengeluaran yang terhad bagi memenuhi kehendak masyarakat yang tidak terhad dalam penghasilan sesuatu produk dan perkhidmatan seni.

Disebabkan oleh kehendak manusia yang tidak terhad dan sumber-sumber ekonomi yang terhad maka timbul masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas yang juga merupakan konsep asas ekonomi dalam seni.



- **Masalah Kekurangan**

Masalah kekurangan timbul kesan dari sumber-sumber pengeluaran yang terhad sedangkan kehendak masyarakat tidak terhad. Faktor-faktor pengeluaran seperti tanah, buruh, modal dan pengusaha adalah terhad. Contohnya masalah kekurangan sumber modal telah menyebabkan pengkarya tidak dapat menghasilkan lebih banyak hasil seni dan tidak dapat memenuhi kehendak masyarakat yang tidak terhad terhadap sesuatu produk dan perkhidmatan seni. Kehendak manusia tidak terbatas kerana sifat manusia yang tidak pernah puas dengan apa yang dimilikinya. Jadi timbul masalah bagaimanakah untuk menggunakan faktor-faktor pengeluaran yang terhad bagi memenuhi kehendak masyarakat yang tidak terhad.


- **Masalah Pilihan**

Konsep asas ekonomi yang kedua pula adalah masalah pilihan yang timbul bagi menyelesaikan masalah kekurangan ini, manusia terpaksa membuat pilihan dalam kehidupan. Masalah pilihan juga wujud akibat daripada kehendak yang terlalu banyak tetapi perlu membuat satu pilihan yang terbaik sahaja kerana masalah kekurangan pendapatan dan juga sumber-sumber pengeluaran yang terhad. Dengan faktor-faktor pengeluaran yang terhad, contohnya pengkarya seni yang ingin menghasilkan lebih banyak produk dan perkhidmatan seni tetapi mereka mengalami masalah kekurangan modal jadi mereka terpaksa membuat pilihan dengan mengeluarkan hasil karya yang terbaik sahaja supaya dapat menarik minat masyarakat.

- **Kos Lepas**

Apabila manusia membuat pilihan, ini bermakna mereka hanya akan memperolehi satu barang atau barang lain sahaja tetapi bukan kedua-duanya sekaligus. Kos lepas menerangkan tentang kesanggupan seseorang mengorbankan sesuatu barangan dan perkhidmatan untuk

mendapatkan sesuatu barangan dan perkhidmatan yang lain. Maka dalam istilah ekonomi, kos lepas boleh didefinisikan sebagai pilihan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan untuk mendapatkan satu barangan yang lain. Contohnya pengkarya seni mempunyai sejumlah modal untuk digunakan sama ada mengeluarkan produk A atau produk B. Jika pengkarya memilih untuk mengeluarkan produk A dan bukan produk B maka kos lepas untuk mengeluarkan produk A adalah produk B.



Contoh: Ahmad mempunyai modal yang terhad dan beliau ingin menghasilkan 2 jenis barang kraftangan iaitu anyaman batik dan anyaman tikar (**kekurangan dan kehendak**). Oleh kerana modal yang terhad, Ahmad perlu memilih sama ada ingin menghasilkan anyaman batik ataupun anyaman tikar (**pilihan**). Jika Ahmad memilih untuk menghasilkan anyaman batik, maka anyaman tikar adalah **kos lepas** bagi Ahmad.

## PERBEZAAN MIKROEKONOMI DAN MAKROEKONOMI

- Mikroekonomi

Mikroekonomi menjelaskan tentang cara unit-unit dalam pasaran menjalankan kegiatan ekonomi mereka. Teori ini tidak menitikberatkan kajian kepada kegiatan ekonomi negara secara keseluruhan tetapi hanya memfokuskan kepada aktiviti dua unit dalam ekonomi, iaitu gelagat pengguna dan gelagat pengeluar (pengkarya) dalam ekonomi. Antara teori yang dikaji dalam mikroekonomi ialah teori gelagat pengguna (terdiri daripada konsep permintaan pasaran, kepuasan pengguna dan sebagainya) dan teori gelagat pengeluar atau pengkarya seni (terdiri

daripada konsep penawaran pasaran, konsep pengeluaran, konsep kos dan sebagainya). Teori harga atau teori penentuan keseimbangan di dalam pasaran barangan menghuraikan tentang gelagat para pembeli dan penjual produk seni dalam menentukan tingkat harga dan kuantiti barangan. Teori pengeluaran dan kos menerangkan cara seorang pengeluar produk dan perkhidmatan seni yang rasional menentukan jumlah pengeluaran yang memberikan keuntungan yang maksimum kepadanya serta gabungan faktor pengeluaran yang akan meminimumkan kos pengeluaran.

- Makroekonomi

Teori makroekonomi merupakan satu bidang dalam ilmu ekonomi yang mempelajari tentang penentuan dan pencapaian tingkat kegiatan ekonomi sesebuah negara. Tumpuan perbincangan mengenai makroekonomi ialah penentuan tingkat pendapatan sesebuah negara. Ini bermakna makroekonomi tidak lagi mengkaji gelagat pengguna atau kegiatan pengeluar, sebaliknya memberi perhatian yang khusus terhadap tingkat penggunaan dan pelaburan secara keseluruhan pada peringkat negara. Kajian makroekonomi membincangkan tentang langkah-langkah kerajaan dalam mengatasi masalah-masalah ekonomi seperti inflasi dan pengangguran yang sering menjadi masalah utama ekonomi sesebuah negara. Konsep-konsep penting dalam analisis teori makroekonomi termasuklah pendapatan negara, guna tenaga, pengangguran, inflasi, perdagangan antarabangsa, imbangan pembayaran dan pertumbuhan ekonomi. Ini menunjukkan teori makroekonomi memberikan suatu anggaran kasar mengenai aktiviti ekonomi sesebuah negara secara keseluruhannya.

<b>Mikroekonomi</b>	<b>Makroekonomi</b>
Mengkaji satu kumpulan yang kecil sahaja iaitu kajian terhadap gelagat pengguna dan gelagat pengeluar.	Mengkaji satu kumpulan yang besar secara agregat dalam sesebuah Negara seperti; pendapatan Negara, guna tenaga, pengangguran, inflasi, perdagangan antarabangsa, imbangan pembayaran dan pertumbuhan ekonomi

## **FAKTOR PENGELUARAN DALAM INDUSTRI SENI**

Faktor-faktor pengeluaran atau sumber ekonomi diperlukan oleh pengeluar atau seseorang pengkarya untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan. Pada umumnya faktor-faktor pengeluaran boleh diklasifikasikan kepada empat iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan.

- **Tanah**

Tanah merupakan sumber yang terhad dan merupakan anugerah alam semulajadi. Tanah meliputi segala sumber semulajadi sama ada di atas permukaan bumi ataupun dalam tanah. Tanah juga termasuk air, sumber galian, kayu kayan, sumber laut dan sumber lain yang boleh digunakan dalam penghasilan sesuatu karya seni. Oleh kerana sumber tanah adalah sumber alam, penawarannya adalah terhad dengan kuantiti yang tetap, maka sumber ini menjadi mahal dalam jangka masa panjang. Pendapatan atau hasil yang dijana oleh faktor pengeluaran tanah adalah dalam bentuk sewa.

- **Buruh**

Buruh merupakan individu yang bekerja dan mendapat ganjaran serta pendapatan dalam bentuk upah atau gaji. Buruh menyumbangkan tenaga atau daya usaha dalam sama ada dalam bentuk fizikal mahupun mental. Buruh akan menyumbangkan perkhidmatan mereka kepada majikan dan perkhidmatan yang ditawarkan tidak boleh disimpan. Kualiti sesuatu produk yang dihasilkan bergantung kepada kualiti dan daya usaha buruh dalam proses pengeluaran sesuatu produk dan perkhidmatan seni. Buruh terdiri daripada buruh mahir, buruh separuh mahir dan buruh tidak mahir. Latihan dan pengalaman yang dimiliki oleh buruh adalah penting bagi mencapai kecekapan dalam pengeluaran produk dan perkhidmatan seni.

- **Modal**

Modal merujuk kepada barang modal, iaitu barang yang boleh digabungkan dengan sumber-sumber pengeluaran yang wujud untuk mengeluarkan lebih banyak barang lain. Contoh barangan modal seperti mesin alat perkakasan, kilang, mesin percetakan dan sebagainya. Sebagai contoh dalam menghasilkan sesuatu produk dan perkhidmatan seni memerlukan mesin percetakan, mesin pembuatan dan sebagainya bagi menghasilkan barang dan perkhidmatan yang berkualiti. Pembentukan modal akan dapat menambah peluang pekerjaan kerana lebih banyak buruh diperlukan untuk membuat barang modal seperti jentera, mesin dan alat perkakasan. Selain itu lebih ramai buruh akan diupah apabila barang modal yang baru digunakan dalam proses pengeluaran. Ganjaran atau pendapatan yang dijana daripada sumber pengeluaran modal ini adalah dalam bentuk bunga atau faedah.

- **Usahawan**

Usahawan merupakan faktor pengeluaran yang aktif dan bertanggungjawab menggabungkan faktor-faktor pengeluaran lain seperti tanah, buruh dan modal bagi menghasilkan barangan dan perkhidmatan. Kebanyakan pengkarya seni bertindak sebagai usahawan yang berkemahiran dalam mencipta inovasi dengan menggabungkan semua faktor-faktor pengeluaran yang lain seperti modal, mesin atau pencetak bagi mengeluarkan sesuatu produk dan perkhidmatan seni. Usahawan akan membuat keputusan tentang apa, berapa, bagaimana dan untuk siapa barang dan perkhidmatan mereka dikeluarkan. Usahawan juga mempunyai sifat menanggung risiko yang tinggi dan ketidakpastian masa hadapan. Usahawan melibatkan diri dalam melakukan inovasi atau pembaharuan seperti memperbaiki teknik pengeluaran, menggunakan reka bentuk pengeluaran baru serta meningkatkan kualiti output yang dikeluarkan dengan matlamat memaksimumkan keuntungan. Pendapatan serta ganjaran yang diperolehi oleh seseorang usahawan adalah dalam bentuk keuntungan.

<b>Sumber Pengeluaran</b>	<b>Ganjaran</b>
Tanah (Sumber semulajadi) *merangkumi iklim, tanah pertanian, bahan mineral, hasil hutan dan sebagainya	Sewa
Buruh (Sumber manusia/Tenaga Kerja) *modal wang dan modal fizikal seperti jentera dan kilang	Upah atau Gaji
Modal (Kekayaan yang dicipta oleh manusia) *modal wang dan modal fizikal seperti jentera dan kilang	Bunga atau Faedah

Usahawan (Individu yang menggabungkan dan menguruskan tanah, buruh dan modal untuk tujuan pengeluaran)	Keuntungan
--	------------

## **MASALAH ASAS EKONOMI DALAM SENI**

Masalah-masalah asas dalam ekonomi boleh dibahagikan kepada tiga masalah iaitu apa dan berapa banyakkah barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan, bagaimanakah cara mengeluarkan barang tersebut dan untuk siapakah barang-barang tersebut dikeluarkan.

- Apa dan berapa banyakkah barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan?

Masalah apa dan berapa banyakkah sesuatu barang atau karya seni dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan wujud kerana kemampuan faktor-faktor pengeluaran yang sedia ada untuk mengeluarkan sesuatu karya seni dan perkhidmatan yang dikehendaki oleh masyarakat adalah terhad. Berdasarkan kepada sumber-sumber yang terhad, maka perlulah mengenal pasti tentang jenis barangan dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan. Contohnya, pengeluar perlu membuat pilihan yang betul sama ada hendak mengeluarkan barang perlu, barangan mewah, barangan normal ataupun barangan lain yang dapat memberi manfaat kepada pengguna semaksimum yang boleh. Jumlah pengeluaran output juga perlu dikenal pasti bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran. Di samping itu, ia dapat mengurangkan kos dan secara tidak langsung sumber-sumber dapat digunakan dengan cara yang paling cekap dan berkesan.

- Bagaimanakah cara mengeluarkan barang tersebut?

Apabila keputusan tentang apa yang hendak dikeluarkan dan berapa banyak hendak dikeluarkan dibuat, maka perlu dipastikan pula

bagaimana ia hendak dikeluarkan. Terdapat pelbagai kaedah pengeluaran sesuatu barang dan perkhidmatan dilakukan antaranya adalah yang berintensifkan modal dan ada pula yang berintensifkan buruh. Oleh kerana sumber-sumber ekonomi adalah terhad, maka kaedah yang dipilih mestilah boleh menghasilkan output yang maksimum dengan kos pengeluaran yang minimum.

- Untuk siapakah barang-barang tersebut dikeluarkan?

Sebelum sesuatu karya seni hendak dikeluarkan, barangan dan perkhidmatan perlu dikenal pasti untuk siapa dikeluarkan. Pengeluar hasil karya seni perlu pastikan sama ada pengeluaran barangan dan perkhidmatan tersebut adalah untuk golongan kaya ataupun golongan miskin. Lazimnya dalam sesebuah ekonomi moden, kepada siapa barangan tersebut dikeluarkan adalah bergantung kepada bagaimana pendapatan yang diterima oleh faktor-faktor pengeluaran ditentukan. Mereka yang menerima pendapatan yang lebih tinggi akan menikmati lebih banyak barangan daripada mereka yang kurang mampu.

Masalah asas ekonomi;

### **Apa dan berapa banyak?**

- Wujud akibat masalah kekurangan dan pilihan.
- Tujuan: memenuhi kehendak pengguna, mengelak pembaziran, mengurangkan kos dan memastikan sumber digunakan secara berkesan.

### **Bagaimana hendak dikeluarkan?**

- Merujuk kepada kaedah pengeluaran yang dipilih; intensif modal atau intensif buruh.